

NUS lancar makmal bagi pemasaran komersial penemuan baru

SEBUAH makmal baru telah dilancarkan oleh syarikat semikonduktor sejagat dari Amerika Syarikat Applied Materials dan Universiti Nasional Singapura (NUS) semalam.

Ia bagi menghasilkan penemuan baru serta mengkomersialkan ciptaan itu dalam industri pengilangan semikonduktor generasi mendatang.

Bagi memupuk bakat di Singapura, makmal itu akan juga melatih lebih 50 penyelidik, jurutera dan individu yang mengikuti ijazah Doktor Falsafah (PhD) bagi menyokong industri tersebut.

Applied Materials juga akan menawarkan biasiswa bernilai \$1.5 juta bagi pelajar PhD di makmal itu.

Ini bagi membolehkan mereka mendalami dan mengembangkan bakat, yang dapat memenuhi keperluan industri.

Menteri Kewangan yang juga pengerusi Yayasan Penyelidikan Kebangsaan (NRF), Encik Heng Swee Keat, melancarkan makmal itu di NUS.

Dalam ucapannya, Encik Heng menyatakan bahawa rancangan Applied Materials untuk membentuk makmal itu di Singapura amat bertepatan waktu.

Ini kerana Singapura merupakan lokasi terkemuka bagi pengilangan semikonduktor lanjutan dan juga merupakan pusat kecemerlangan bagi bahan baru dan dalam mikroelektronik.

Secara amnya, lebih separuh daripada

syarikat semikonduktor dunia telah mempunyai kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta pengilangan di Singapura.

Industri semikonduktor di Singapura merupakan kedua terbesar di Asia Pasifik.

“Walaupun prospek elektronik kekal positif, teknologi baru sedang mengubah rekaan industri ini.

“Aplikasi baru seperti kenderaan pandu sendiri, kecerdasan buatan (AI), robotik dan alat Internet of Things (IoT) dapat membantu alat dan masyarakat ‘bijak,’” kata Encik Heng.

Beliau menambah makmal itu akan membangunkan semikonduktor generasi baru yang lebih kecil, pantas dan lebih berkesan.

Kerjasama dengan Applied Materials itu membuktikan keberkesanan usaha sama yang terjalin antara syarikat itu dengan Singapura sejak lebih 25 tahun lalu.

Bermula dengan syarikat yang menyediakan operasi penjualan dan perkhidmatan di sini, Applied Materials kini mempunyai lebih 1,000 pekerja di Singapura.

Matlamat utamanya adalah dalam menjalankan pelbagai kegiatan seperti pengilangan peralatan semikonduktor, R&D, pemasaran dan korporat sejagat.

Syarikat itu mempunyai tiga lagi pusat R&D yang lain di Singapura hasil kerjasama dengan sektor awam.

Lebih 50 penyelidik, jurutera dan pelajar PhD akan dilatih di makmal itu.



MENYOKONG INDUSTRI SEMIKONDUKTOR LANJUTAN: Encik Heng (*tiga dari kiri*) melancarkan Makmal Korporat antara Applied Materials dengan Universiti Nasional Singapura (NUS) di NUS semalam. – Foto APPLIED MATERIALS-NUS